

KONSEP KEHAKIMAN DALAM ISLAM

Oleh:
Mohd Nazri Ahmad

Abstract

This article discusses the history of Islamic Judiciary mainly during the periods of the Prophet Muhammad (p.b.u.h), the Companions and Tābi‘ins. It tries to elaborate how Islamic judicial system applied the criteria of electing judges, the scope of power and the acceptability of the post in Islam.

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang sempurna mencakupi semua bidang kehidupan manusia, antaranya termasuklah bidang kehakiman. Kehakiman merupakan satu badan yang sangat penting dalam kehidupan. Ia bertujuan untuk menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman sesama manusia. Ia bermula sejak awal kewujudan manusia iaitu zaman Nabi Adam ‘a.s. Ini jelas seperti firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 30 (maksudnya):

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.”

Ibn Mas‘ud dan Ibn ‘Abbās mentafsirkan makna khalifah dalam ayat di atas adalah Nabi Adam iaitu sebagai khalifah Allah untuk memutuskan hukuman dan melakukan suruhan Allah kerana dia adalah Rasul yang pertama diutuskan di bumi ini.¹

Allah mengutuskan para nabi antara lain adalah untuk menyelesaikan perselisihan yang berlaku di kalangan umat manusia berdasarkan perundangan yang telah diturunkan oleh Allah melalui kitab-kitabNya. Ini dapat dilihat melalui firman Allah (maksudnya).²

“Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan syurga), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan

¹ Ibn Kathīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*, Dār al-Fikr, Beirut, cet-2, 1970, jld 1, hlm 120.

² Al-Qur'an, al-Baqarah, 2: 213.

bersama Nabi-nabi itu kitab-kitab suci (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan.”

Dalam menjalankan kuasa kehakiman, Allah menyeru kepada para hakim Islam supaya menjauhi kezaliman dan menegakkan keadilan seperti mana firmanNya (bermaksud):³

“Dan jika engkau menghukum maka hukumlah antara mereka dengan adil kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

KEHAKIMAN DI ZAMAN RASULULLAH S.A.W

Perlantikan Nabi Muhammad s.a.w sebagai rasul di samping mengembangkan dakwah Islamiyyah, Baginda juga diberi tugas kehakiman. Penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w ke Madinah berserta dengan termeterinya perjanjian antara Baginda dan Muḥajirin dengan penduduk-penduduk Madinah iaitu golongan Anṣār, Yahudi dan Musyrikin, membuka ruang dan memberi kuasa kepada Rasulullah s.a.w untuk melaksanakan tugas tersebut. Mereka mengakui Rasulullah adalah pemegang kuasa tertinggi dalam negara.⁴ Oleh itu tidak hairanlah kalau kita lihat di dalam bidang kehakiman, Rasulullah sendiri bertindak sebagai penetap hukum, hakim dan pelaksana kepada hukuman yang dijatuhkan. Walau bagaimanapun, di peringkat awal Islam tidak banyak kes-kes yang diselesaikan sendiri oleh Rasulullah kerana kebanyakan yang datang kepadanya hanyalah meminta fatwa Para sahabat menyelesaikan perkara atau kes yang timbul berpandukan fatwa itu.⁵ Fatwa yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w mempunyai natijah yang sangat besar dalam Islam kerana ia menjadi asas perundangan Islam.

Apabila berlaku sesuatu kes, Rasulullah s.a.w menyelesaikan berpandukan kepada wahyu dan bagi kes yang tiada wahyu Baginda menghukum perkara tersebut berdasarkan ijтиhadnya sendiri. Setiap hukum yang berdasarkan ijтиhad Baginda, apabila bertepatan dengan kehendak wahyu, ia menjadi hukum dalam pengadilan. Sebaliknya jika ijтиhad Baginda tidak tepat, maka wahyu akan membetulkannya dan membatalkan ijтиhad tersebut.⁶

Rasulullah s.a.w mengizinkan sahabat berijтиhad dan melakukan fatwa bagi melatih mereka di dalam bidang kehakiman. Apabila wilayah Islam semakin luas,

³ Al-Qur'an, al-Mā'idah, 5: 42.

⁴ Hassan Ibrāhīm & Ali Ibrāhīm, *Al-Nuzūm Islāmiyyah*, cet-4, 1970, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, Qāhirah, hlm. 290.

⁵ Musyrifah Muṣṭafā 'Atīyyah, *al-Qadā' fī al-Islām*, 1939, Matba'ah al-I'timād Bi Sya'i Hassan al-Akhbar li Ṣāhibihā al-Khudrī, hlm. 101.

⁶ Al-Āmidī, *al-Āhkām fī Uṣūl al-Āhkām*, 1967, Matba'ah Dār al-Ittiḥād al-'Arabī, hlm. 207.

Konsep Kehakiman Dalam Islam

Rasulullah s.a.w melantik dan menghantar beberapa orang sahabat menjadi gabenor dan juga merangkap sebagai *qādi* / hakim. Walau bagaimanapun ini bukanlah bermakna setiap gabenor itu bebas menghukum sesuatu masalah, sebaliknya Rasulullah s.a.w yang memegang tumpuk kehakiman utama.⁷

Ini terbukti dengan penghantaran Mu‘ādh bin Jabal ke Yaman. Sebelum menghantarnya, Rasulullah s.a.w terlebih dahulu bertanya kepada Mu‘ādh, sabdanya yang bermaksud:⁸ “Bagaimana engkau akan menghukum di kalangan manusia? Mu‘ādh menjawab: “Dengan Kitab Allah.” Baginda menyoal lagi: “Sekiranya tidak ada di dalam kitab Allah?” Mu‘ādh menjawab: “Maka aku akan menghukum dengan sunnah Rasulullah s.a.w.” Baginda menyoal lagi: “Sekiranya tidak terdapat di dalam sunnah Rasulullah?” Mu‘ādh menjawab: “Aku akan berijihad dengan pendapatku sendiri.”

Berdasarkan hadith di atas, jelaslah bahawa Rasulullah s.a.w telah memberi peluang kepada para sahabat untuk berijihad, mentadbir dan mengendalikan perbicaraan. Dari perbuatan Rasulullah s.a.w ini juga menunjukkan telah ada usaha yang dibuat untuk menentukan pengkhususan di antara tugas-tugas pemerintahan dengan tugas kehakiman.⁹

KEHAKIMAN DI ZAMAN SAHABAT

Zaman *Khulafa’ al-Rashidin* bermula dengan perlantikan Saiyidina Abu Bakar sebagai khalifah pertama selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Oleh kerana masa pemerintahannya yang pendek, Abu Bakar r.a hanya meneruskan kuasa kehakiman seperti di zaman Rasulullah s.a.w.

Di bawah pemerintahan khalifah kedua iaitu Saiyidina ‘Umar ibn al-Khattab r.a, negara Islam bertambah meluas hingga ke Rom dan Parsi. Bagi menangani pelbagai permasalahan yang timbul, Saiyidina ‘Umar membentuk sebuah badan khas untuk mentadbir urusan kehakiman. Memandangkan penduduk wilayah-wilayah Islam terlalu ramai, beliau mengasingkan kuasa kehakiman daripada kuasa pemerintahan. Beberapa orang *qādi* khas dilantik untuk mentadbir wilayah-wilayah berkenaan kecuali wilayah-wilayah kecil dimana kuasa kehakiman adalah di tangan gabenor.¹⁰ Dalam hal ini gabenor juga boleh melantik sendiri *qādi-qādi* bagi daerahnya tanpa menunggu arahan

⁷ Muhammad Salām Madkūr, *al-Qadā’ fi al-Islām*, Matba‘ah Mustafā al-Bābī al-Halabī, Mesir, 1964, hlm. 22.

⁸ al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah Beirut, Lubnan, t.th, “Kitāb al-Ahkām,” jld 3, hlm. 616.

⁹ Muhammad Salām Madkūr, *al-Madkhāl li al-Fiqh al-Islām*, Matba‘ah Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, Misr, 1963, hlm. 332.

¹⁰ Al-‘Aqqād, ‘Abbās Maḥmūd, *‘Abqariyyah ‘Umar*, Matba‘ah Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Beirut, 1969, hlm. 114-115.

daripada khalifah. Sesetengah fuqaha pula mengatakan bahawa qādī hanya memutuskan hukuman sahaja tetapi yang menjalankan hukuman ialah pihak pemerintah.¹¹

Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affan telah memberi saran kepada hakim/qādī dengan hasil yang diperuntukan khas dari simpanan Baitulmal yang mula diasaskan oleh Saiyidina Abu Bakar.¹² Manakala Saiyidina ‘Ali yang merupakan Khalifah terakhir telah mengekalkan qādī yang dilantik oleh Saiyidina ‘Uthmān.

Pada zaman pemerintahan Umayyah, proses kehakiman terus berkembang sehingga terbentuknya Mahkamah Hisbah, Qādī dan Mazālim untuk melancarkan perjalanan pengadilan Islam.

Kita dapat iaitu telah berlaku pemisahan antara pemerintahan dan kehakiman. Ini mungkin disebabkan banyak masalah yang dihadapi oleh seseorang khalifah dalam mengendalikan hal ehwal negara. Dalam erti kata yang lain melalui pemisahan ini, khalifah telah melantik satu badan yang khas iaitu badan kehakiman untuk menyelenggarakan masalah kehakiman. Seterusnya keputusan yang dibuat itu hendaklah bukan hanya berdasarkan kepada budi bicara seseorang hakim semata-mata, tetapi mestilah berdasarkan juga kanun kehakiman yang sesuai serta mempunyai keadilan. Tauladan telah pun ditunjukkan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w dan keadilan adalah merupakan undang-undang dasar dalam kehakiman Islam.¹³

Kehakiman Islam terus terlaksana hingga ke hari ini di negara-negara Islam dengan penubuhan mahkamah-mahkamah Syari‘ah untuk membicarakan orang-orang Islam. Ini termasuklah di Malaysia, dimana di setiap negeri mempunyai mahkamah Syari‘ah tersendiri untuk mengendali dan melaksanakan undang-undang Islam. Dalam enakmen mahkamah Syari‘ah negeri Kedah pernah menjelaskan bahawa Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Qādī ditubuhkan adalah bagi mentadbirkan undang-undang Islam dalam negeri Kedah.¹⁴

HAKIM DALAM ISLAM

Hakim merupakan satu kerjaya yang mencabar kerana ia melibatkan kepentingan umum dalam usaha menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman dalam masyarakat. Tugas ini mempunyai pelbagai kepentingan, rintangan dan membahayakan. Catatan sejarah Islam menjelaskan ramai cerdik pandai Islam telah dianinya semata-mata kerana

¹¹ Musyrifah Muṣṭafā ‘Atiyyah, *al-Qadā’ fi al-Islām*, hlm. 101.

¹² Al-Bahī, Ahmad ‘Abd Mun‘in, *Tārīkh al-Qadā’ fi al-Islām*, Matba‘ah Lujnah al-Bayān al-Arabi, 1965, hlm. 153.

¹³ S.H. Heider, *Islamic Concept of Human Right*, The Book House, Lahore, 1978, hlm. 272.

¹⁴ Enakmen Mahkamah Syariah Bil. 1, Tahun 1983, Seksyen 3.

Konsep Kehakiman Dalam Islam

enggan menerima tugas ini. Begitu juga di kalangan hakim, mereka menerima akibat yang sama disebabkan keputusan mereka tidak disenangi oleh pihak pemerintah.¹⁵

Sehubungan dengan itu penerimaan jawatan ini adalah tertakluk kepada beberapa hukum dan keadaan serta berkaitan rapat dengan syarat-syaratnya. Pada asasnya ulama-ulama Fiqh sepakat mengatakan hukumnya adalah fardu kifayah. Tetapi menurut Ibn Quddāmah hukum ini berubah kepada beberapa bahagian, iaitu:¹⁶

- * Fardu ‘Ain; Seseorang wajib menjadi hakim apabila tidak ada orang lain yang lebih layak. Menyerahkan tugas kepada orang yang tidak layak bakal mendedahkan masyarakat kepada unsur-unsur kerosakan dan kebinasaan.
- * Haram; orang yang tidak mempunyai kelayakan dan syarat yang diperlukan kerana diragui dan dikhuatiri gagal melaksanakan tugas kehakiman secara adil.
- * Makruh; orang yang berkelayakan meminta menjadi hakim sedangkan di waktu yang sama ada orang yang lebih layak daripadanya.
- * Sunat; seseorang yang lebih berkemampuan daripada orang lain untuk mengendalikan tugas kehakiman.
- * Harus; apabila terdapat ramai orang yang berkelayakan di suatu tempat. Seseorang berhak memilih samada mahu menjawat atau sebaliknya jawatan hakim.

Menurut al-Mawardi, seseorang yang boleh menjalankan tugas kehakiman ialah apabila perlantikannya dibuat oleh pihak pemerintah (pihak yang mempunyai kuasa autoriti) sesbuah negara.¹⁷

Menurut al-Syarbini seseorang hakim mesti mempunyai sepuluh syarat-syarat yang wajib dimiliki olehnya, iaitu:¹⁸

1. Islam
2. Mukallaf
3. Merdeka
4. Lelaki
5. Adil
6. Mendengar
7. Melihat
8. Boleh bercakap
9. Berkemampuan menjalankan urusan Qādi / Hakim
10. Mestilah seorang yang mujtahid

Sekalipun kita dapat para fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan bilangan syarat tetapi pada dasarnya perbezaan pendapat mereka tidaklah jauh. Secara umumnya

¹⁵ Tun Salleh Abbas, *The Role of the Independent Judiciary*, Promarketing Publications, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 56.

¹⁶ Ibn Quddāmah, *Mughnī Maṭba‘ah al-Qāhirah*, t.th, jld. 10, hlm. 33-34.

¹⁷ Al-Mawardi, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, Matba‘ah al-Bābī al-Halabī, Qāhirah, Misr, 1978, hlm. 8.

¹⁸ Al-Syarbini, *Mughnī al-Muhtāj*, Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī, Qāhirah, Misr, 1377H / 1958M, jld 4, hlm. 375.

setiap syarat yang dibincangkan oleh seorang fuqaha, juga turut dibincangkan oleh fuqaha yang lain. Dalam melaksanakan tugas atau untuk memutuskan hukuman bagi pihak-pihak yang bertelingkah, hakim mestilah berada dalam keadaan tenang, waras serta bebas dari sifat-sifat yang kurang menyenangkan fikiran seperti marah, lapar, dahaga, kuat nafsu, terlalu panas atau sejuk. Mengenai larangan menjatuhkan hukuman ketika marah dapat dilihat dalam hadith Rasulullah s.a.w.¹⁹

Maksudnya: “*Janganlah hakim menghukum antara dua orang sedangkan hakim berada dalam keadaan marah.*”

Hakim juga dilarang dari menerima sesuatu hadiah daripada pihak yang bertelingkah kerana dianggap rasuah. Di samping itu juga hakim dilarang bersikap pilih kasih dalam kes yang dibicarakan. Ini berdasarkan sabda Nabi s.a.w.²⁰

Maksudnya: “*Jika Fatimah binti Muhammad s.a.w mencuri aku akan potong tangannya.*”

Bidang kuasa hakim membicarakan sebarang pertikaian yang berlaku adalah tidak mengira masa dan tempat. Bidang kuasa hakim menurut al-Mawardi ada sepuluh perkara iaitu:²¹

- * Memutuskan perbalahan samada berdamai dengan kerelaan atau dengan paksaan apabila dirasakan perkara itu patut dilakukan.
- * Mengembalikan hak kepada yang berhak. Dalam situasi ini diperlukan dua cara iaitu pengakuan dan penerangan dari pihak yang terlibat.
- * Bertindak sebagai pentadbir harta bagi yang tidak layak mentadbirnya seperti anak yatim, kanak-kanak, orang gila dan orang yang dihalang dari mentadbir hartanya.
- * Mengawasi harta wakaf dengan memelihara keselamatannya di samping pertumbuhannya.
- * Melaksanakan wasiat kepada orang yang diwasiatkan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pewaris selagi tidak bercanggah dengan syara’.
- * Menikahkan perempuan yang tidak mempunyai wali dengan syarat pasangan itu sesuai. Ini termasuk juga janda.
- * Melaksanakan hukuman hudud ke atas pihak-pihak yang dijatuhkan hukuman sedemikian, sekiranya kesalahan itu disabitkan dengan hak Allah.

¹⁹ Abū Dāwūd Sulaimān bin Asy‘ath al-Sijistānī al-Azdi, *Sunan Abū Dāwūd*, Dār al-Hadith, Syria, 1973, jld. 4, hlm. 16.

²⁰ Al-Bukhārī, Abū Abdullāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, Misr, 1345, jld 2, hlm. 199.

²¹ Al-Mawardi, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, hlm. 78-79.

Konsep Kehakiman Dalam Islam

- * Mengawasi dan menghapuskan perkara-perkara kejahatan serta kemungkaran yang berlaku di tempat-tempat awam.
- * Memilih, mengawasi dan menentukan orang yang layak menjadi saksi setelah ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- * Menghukum dengan sama rata di antara golongan yang kuat dan lemah serta berlaku adil dalam menghukum di antara yang kaya dan miskin.

Mensabitkan diri dalam urusan kehakiman adalah perkara yang sangat berbahaya untuk dipikul jika seseorang mukmin itu tidak mampu bersikap adil. Manakala mengetahui selok-beloknya pula adalah digalakkan.²² Oleh itu, seorang mukmin yang cintakan agamanya dan memastikan keselamatan dirinya hendaklah memelihara dirinya jika terbabit dalam tugas kehakiman dan menjauhi jika tidak terdaya memikul tanggungjawab itu. Nabi s.a.w bersabda (bermaksud):²³

“Barangsiapa yang menjadi Qādi / Hakim, maka sebenarnya dia telah disembelih tanpa pisau.”

Jelaslah bahawa jawatan hakim merupakan satu jawatan yang mencabar serta mempunyai kedudukan tinggi dan mulia. Memandangkan keadaan ini, Islam telah menggariskan panduan, syarat kelayakan dan perlantikan yang amat teliti. Tujuan jawatan ini diwujudkan ialah untuk menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman.

RAYUAN DALAM KEHAKIMAN ISLAM

Konsep rayuan telah lama wujud dalam Islam. Hal ini dapat dilihat dalam firman Allah (bermaksud):²⁴

“Dan Kami kuatkan kerajaannya, serta Kami kurniakan kepadanya hikmah kebijaksanaan dan kepetahan berkata-kata (dalam menjalankan hukum dan menjatuhkan hukuman).”

Ayat di atas menerangkan tentang kemungkinan berlakunya kesilapan atau kesalahan dalam memutuskan sesuatu hukuman. Oleh yang demikian bolehlah dibuat rayuan andainya berlaku kesilapan dan kesalahan.

Allah menceritakan bahawa Nabi Sulaiman a.s telah menghukum satu kes, yang mana dalam keadaan tergesa-gesa beliau menjatuhkan hukuman sebelum mendengar keterangan dari sebelah pihak lagi yang berbalah itu. Firman Allah (bermaksud):

²² Tajudin Saman, *Berita Minggu*, 18 Sept 94, hlm. 20.

²³ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, jld. 4, hlm. 5.

²⁴ Al-Qur'an, Surah Ṣad, 38: 20.

“Dan sudahkah sampai kepadamu (Wahai Muhammad) berita (perbicaraan dua) orang yang berselisihan? Ketika itu mereka memanjat tembok tempat ibadat. Iaitu ketika mereka masuk kepada Nabi Daud, lalu ia terkejut melihat mereka. Mereka berkata padanya: Janganlah takut! (kami ini) adalah dua orang yang berselisih, salah seorang dari kami telah berlaku zalim kepada yang lain, oleh itu hukumlah di antara kami dengan adil, dan pimpinlah kami ke jalan yang lurus. Sebenarnya orang ini ialah (seorang sahabat sebagai) saudaraku, ia mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina dan aku mempunyai seekor sahaja, dalam pada itu ia (mendesakku dengan) berkata: Serahkanlah yang seekor itu kepadaku, dan ia telah mengalahkan daku dalam merundingkan perkara itu. Nabi Daud berkata sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepadamu dengan meminta kambing itu (sebagai tambahan) kepada kambing-kambingnya, dan sesungguhnya kebanyakannya dari orang-orang yang bergaul dan berhubungan (dalam bebagai-bagai lapangan hidup) setengahnya berlaku zalim kepada yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sedangkan mereka amat sedikit, dan Nabi Daud setelah berfikir sejurus) mengetahui sebenarnya Kami telah mengujinya (dengan peristiwa itu) lalu ia memohon ampun kepada Tuhan yang sambil merebahkan dirinya sujud serta ia rujuk kembali (bertaubat). Maka Kami ampunkan kesalahannya itu, dan sesungguhnya ia mempunyai kedudukan yang dekat di sisi Kami serta tempat kembali yang sebaik-baiknya (pada hari akhirat kelak). Wahai Daud sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum Syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu) dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu.”²⁵

Rayuan terhadap perundangan telah diamalkan di zaman Rasulullah s.a.w. Sekalipun penubuhan mahkamah secara rasmi belum diadakan, tetapi perjalanan perbicaraan yang dilakukan membuktikan adanya sistem rayuan ketika itu. Sebagai contoh satu kes yang masyhur berlakunya rayuan di zaman Rasulullah s.a.w ialah kes yang dibicarakan oleh Saiyidina ‘Ali r.a ketika beliau menjadi gabenor di Yaman. Keputusan yang dibuat oleh Saiyidina ‘Ali terhadap dua pihak yang bertelingkah tidak memberi kepuasan kepada kedua-dua pihak tersebut. Oleh yang demikian Saiyidina ‘Ali menasihatkan mereka supaya menyampaikan perkara ini kepada Rasulullah s.a.w

²⁵ Al-Qur'an, Surah Sad, 38: 21-26.

Konsep Kehakiman Dalam Islam

sebagaimana katanya: "Saya akan memutuskan perselisihan antara kamu sekiranya kamu reda, maka itulah keputusan saya. Jika tidak hendaklah kamu bukan dahulu, jangan membuat apa-apa tindakan sehingga Rasulullah s.a.w datang memberi keputusan kepada kamu." Mendengar hal itu, pada musim haji mereka pergi menemui Rasulullah s.a.w yang pada ketika itu Baginda sedang berada di Makam Ibrahim a.s. Mereka menceritakan kes tersebut kepada Baginda s.a.w. Kemudian Baginda s.a.w memutuskan bahawa keputusan dahulu (yang diputuskan oleh Saiyidina 'Ali) adalah benar dan disahkan."²⁶

Konsep rayuan ini dapat dilihat dalam risalah Khalifah 'Umar sebagaimana yang diutuskan kepada Qādi Abū Mūsā al-Ash'ari. Antara katanya:

"Janganlah sesuatu menghalang keputusan (kehakiman) kamu setelah kamu memutuskannya pada hari ini, maka hendaklah kamu mengulangkaji kesemuanya mengikut ijтиhad kamu. Itu akan memberi hidayah kepadamu sekiranya kamu mengulangkaji untuk mencari kebenaran. Maka sesungguhnya kebenaran itu tetap berkekalan dan tidak boleh dibatalkan oleh sesuatu. Mengulangkaji sesuatu kebenaran adalah lebih baik daripada berterusan di dalam kebatilan."²⁷

Di zaman pemerintahan Khulafa' al-Rashidin juga berlaku kes rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan. Contohnya yang berlaku pada zaman pemerintahan Saiyidina 'Uthmān. Hisān bin Thābit iaitu salah seorang penyair Rasulullah s.a.w telah bertelingkah dengan beberapa orang. Kes tersebut telah dibicarakan oleh Saiyidina Uthmān dan keputusan yang telah dibuat oleh beliau tidak dipersetuju oleh Hisān. Ekoran dari itu, Hisān telah berjumpa Ibn 'Abbās dan menceritakan tentang ketidakpuasan beliau terhadap keputusan yang dibuat oleh Saiyidina 'Uthmān. Lalu Ibn 'Abbās berkata: "Kebenaran itu adalah hak kamu, tetapi kamu telah tersilap ketika memberikan hujah. Oleh itu serahkanlah kepadaku untuk berhujah". Setelah Ibn 'Abbās menemui Saiyidina 'Uthmān dan berhujah tentang kes tersebut bagi pihak Hisān, lalu Saiyidina 'Uthmān memutuskan bahawa Hisān tidak bersalah.²⁸

Saiyidina 'Ali merupakan orang yang pertama membuat garis panduan dan peringatan kepada hakim-hakim supaya membuat penyemakan semula terhadap kes-kes yang didapati ada berlakunya kesilapan.

Di zaman pemerintahan Umaiyyah, sistem kehakiman terus berkembang sehingga lahirnya kehakiman mazālim atau Mahkamah Mazālim. Ini urutan daripada berlakunya kes-kes kezaliman dan penyelewengan kuasa di kalangan pegawai yang memerintah.

²⁶ Muhammad Salām Madkūr, *al-Qadā' fī al-Islām*, hlm. 24.

²⁷ Ibn Qayyim, *I'lām al-Mūqi'iñ*, Matba'ah al-Sā'ādah, Misr, t.th, jld. 1, hlm. 110.

²⁸ Zāfir al-Qāsim, *Nizām al-Hukm*, Dār al-Nafā'is, 1978, hlm. 537.

Orang yang pertama mendudukinya adalah Khalifah Abd. Malik Ibn Marwān. Kemudiannya ia menjadi bertambah masyhur di zaman Khalifah ‘Umar ibn ‘Abd. Al-‘Azīz. Beliau telah menetapkan satu hari khas bagi meneliti dan menyemak kes-kes yang berhubung dengan kehakiman Mazālim. Seterusnya diikuti oleh khalifah-khalifah Umaiyyah dan ‘Abbasiyyah. Mahkamah Mazālim adalah diketuai oleh khalifah atau gabenor atau sesiapa yang dilantik oleh mereka.²⁹

Berhubung dengan masalah rayuan, Ibn Qayyim berpendapat, hendaklah seseorang daripada kamu apabila telah berijtihad terhadap sesuatu hukum, kemudian didapati ijtihadnya itu salah, maka ijtihad pertama yang salah itu masih boleh diulangkaji semula. Sesungguhnya ijtihad itu kadang-kadang boleh berubah dan ijtihad pertama tidak boleh menghalang ijtihad yang selepasnya apabila ternyata kebenarannya. Kebenaran itu adalah lebih utama untuk diamalkan.³⁰

KESIMPULAN

Mahkamah mempunyai peranan yang amat besar dalam memastikan keamanan dan keadilan masyarakat. Matlamat penubuhan mahkamah adalah untuk menyedia dan melaksanakan perkhidmatan pengadilan mengikut undang-undang Islam secara adil, cekap dan berkesan berlandaskan hukum syara’. Oleh yang demikian, dalam perbicaraan semua pihak yang terlibat mestilah memberi kerjasama sepenuhnya agar matlamatnya tercapai

Dengan bidang kuasa yang diberikan, mahkamah hendaklah memastikan proses pengadilan berjalan dengan lancar sejajar dengan tuntutan syara’. Di samping itu pendakwa dan peguam syar‘i hendaklah melaksanakan tugas dengan baik dan adil agar kesejahteraan dan keadilan tercapai.

Kerjasama masyarakat dalam usaha membasmi kezaliman yang berlaku dalam masyarakat amat penting. Oleh yang demikian, untuk memastikan orang yang bersalah dihukum, orang yang dipanggil untuk menjadi saksi dalam kes perbicaraan perlulah memberi kerjasama yang sepenuhnya. Pihak tertuduh dan yang kena tuduh hendaklah memberikan kerjasama supaya penyelesaian dapat dijalankan dengan segera.

²⁹ Fathī Uthmān, *al-Fikr al-Qānūnī al-Islāmī*, Maṭba‘ah Mukhaimar, t.th, hlm. 311.

³⁰ Ibn Qayyim, *I'lām al-Mūqi 'īn*, hlm. 94.